

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB. DATUK HAJAH NORAH BINTI
ABD RAHMAN**

KAWASAN : TANJONG MANIS

NO. SOALAN : 185

YB. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sama ada Kementerian Kewangan akan memindahkan Halal Industry Development Corporation (HDC) dari klasifikasi Unit Modal Teroka kepada lain-lain Unit yang lebih bertepatan dengan fungsi HDC.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Halal Industry Development Corporation (HDC) adalah sebuah syarikat sendirian berhad menurut syer (Company Limited by Share) yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan yang

Diperbadankan (MKD) dan tidak diklasifikasikan di bawah Unit Modal Teroka.

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada Oktober 2009, HDC telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri (Pengurusan dan Pembangunan Hal Ehwal Islam) dan diletakkan di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Peralihan ini berlaku kerana fungsi HDC adalah bertepatan dengan bidang tugas di bawah MITI di mana HDC turut berperanan dalam aktiviti berkaitan pembangunan industri, pelaburan, perdagangan dan perusahaan kecil dan sederhana khususnya bagi industri halal.

Kedudukan HDC akan diperkuatkan lagi menerusi proses transformasi yang sesuai dengan peranannya sebagai agensi tunggal dalam menyelaraskan pembangunan industri halal negara dari masa ke semasa bagi memastikan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal Global tercapai.

RT20/186

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH
BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk meningkatkan penglibatan pensyarah dan penyelidik di universiti awam tempatan membantu usahawan tempatan menambah baik produk mereka dengan menggunakan kemudahan makmal dan perundingan di universiti hingga ke proses pengkomersilan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Penglibatan pensyarah dan penyelidik di universiti awam tempatan dalam membantu usahawan tempatan menambah baik produk mereka telah dilaksanakan melalui inisiatif *Public-Private Research Network* (PPRN). PPRN merupakan inisiatif inovatif untuk mewujudkan *knowledge-friendly ecosystem* di Malaysia di mana pihak Industri yang merupakan pengguna pengetahuan dihubungkan dengan pengeluar modal insan berpengetahuan iaitu IPT dan institusi penyelidikan tempatan. PPRN menawarkan penyelesaian bagi permasalahan teknologi yang dihadapi oleh industri dan membantu pertumbuhan produktiviti.